

28 MAY 1999

Mahathir-Perutusan

KEBEBASAN BERAGAMA DATANG DENGAN TANGGUNGJAWAB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan komited dalam menjamin kebebasan beragama bagi rakyatnya tetapi hak yang diberikan itu datang dengan tanggungjawab.

"Untuk membolehkan setiap seorang daripada kita menikmati kehidupan yang aman, kita mesti bersedia mengorbankan sebahagian daripada hak kita," katanya dalam perutusan sempena Hari Wesak yang disambut esok.

Beliau berkata penganut agama Buddha di negara ini telah membuktikan bahawa mereka sedia membuat pengorbanan itu supaya setiap orang dapat menikmati sepenuhnya kebebasan yang mungkin dalam masyarakat majmuk pada jangka panjang.

Dr Mahathir turut memuji penganut agama Buddha kerana memberi sumbangan besar kepada pembangunan negara.

Beliau berkata di samping kegiatan kebajikan sosial seperti mengendalikan rumah untuk orang tua dan anak yatim, pusat perubatan, sekolah dan pusat pemulihan dadah, mereka turut memainkan peranan besar dalam memupuk keharmonian kaum dan agama dalam masyarakat yang berbilang agama dan budaya.

Dr Mahathir berkata sebagai penganut agama yang memilih jalan tengah, penganut agama Buddha juga menolak sebarang tindakan yang berbentuk ekstrim oleh mana-mana pihak.

"Pegangan ini adalah antara faktor yang membolehkan negara kita aman dan makmur," kata beliau.

Beliau berharap penganut agama Buddha akan meneruskan usaha mereka untuk memupuk masyarakat yang adil, "yang mesti dinikmati oleh semua rakyat Malaysia di alaf yang akan datang."

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada rakyat Malaysia yang menganut agama Buddha.

-- BERNAMA

ES AKD